

25 JUL 1996

## TNB JADI TUAN RUMAH PERSIDANGAN INDUSTRI PEMBEKALAN TENAGA ELEKTRIK

KUALA LUMPUR, 25 Julai (Bernama) -- Tenaga Nasional Bhd (TNB) akan menjadi tuan rumah Persidangan Ke-11 Industri Pembekalan Tenaga Elektrik (CEPSI) di sini Oktober ini yang dijangka mencatat jumlah penyertaan terbesar.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah dijemput untuk memberi ucapan utama pada persidangan yang berlangsung selama lima hari itu yang bermula 21 Oktober, demikian menurut pengerusi persidangan Haji Abdul Hadi Deros hari ini.

Beliau memberitahu perkara itu kepada pemberita selepas majlis pemeteraian perjanjian antara Tenaga Nasional dan beberapa syarikat yang terbabit dengan persidangan itu.

Menurut Abdul Hadi, acara kemuncak majlis pembukaan persidangan tersebut ialah perjalanan yang dibuat oleh Dr Mahathir dari pejabat beliau ke tempat persidangan dan ke tapak pameran yang diadakan bersempena persidangan tersebut dengan menaiki sebuah kereta yang menggunakan tenaga elektrik.

Kereta berkenaan yang direka khusus untuk upacara itu sedang dihasilkan oleh Perusahaan Otomobil Nasional Bhd dengan kerjasama sebuah anak syarikat Tenaga Nasional.

Abdul Hadi menganggarkan 2,000 perwakilan akan menyertai persidangan itu di mana 400 kertas kerja meliputi 27 topik akan dibentang untuk perbincangan.

Menurut beliau, setakat ini 190 daripada 200 gerai pameran yang akan diadakan bersempena persidangan tersebut sudah habis ditempah oleh pelbagai syarikat termasuk General Electric, Rolls Royce, Siemens dan beberapa syarikat ternama lain.

Sementara itu, pengerusi eksekutif Tenaga Nasional Tan Sri Dr Ani Arope berkata antara tokoh yang akan berucap pada persidangan tersebut ialah Menteri Negara bagi Penyelidikan dan Teknologi Indonesia Prof B.J. Habibie.

Beliau juga menjelaskan bahawa Malaysia yang memegang jawatan presiden dan bertindak sebagai urus setia persidangan telah berjaya membawa masuk China sebagai anggota Persatuan Industri Pembekalan Tenaga Elektrik Asia Timur dan Pasifik (AESIEAP) yang menaja persidangan dwi tahunan itu.

AESIEAP kini dianggotai 18 negara termasuk China yang akan menghadiri persidangan tersebut untuk kali pertama. -- BERNAMA

MSL DIN/sia